

20/02/2004

Kita sedia kaji tambatan ringgit

Kalimullah Hassan

PUTRAJAYA: Malaysia berpendirian terbuka berhubung dasar tambatan nilai ringgit dan mungkin mengkajinya semula jika euro meningkat melebihi AS\$1.40 seunit atau nilai yen jatuh ke bawah paras 100 berbanding dolar Amerika.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata jika dua mata wang itu naik melebihi paras berkenaan, kerajaan tidak mahu kedudukan ringgit terjejas dan akan meneliti tambatan itu secara serius.

Memberitahu 21 pengurus dana terkemuka serantau di sini semalam, beliau bagaimanapun berkata, kerajaan berasaskan keadaan semasa tidak memerlukan tambatan nilai ringgit itu dikaji semula.

Katanya, tambatan itu diperkenalkan ketika krisis kewangan Asia di puncaknya pada 1998, ia adalah satu-satunya cara bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

"Ia ternyata amat berkesan," katanya sambil menyatakan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana mengambil langkah memperkenalkan dasar itu yang membolehkan Malaysia muncul antara negara paling kurang terjejas oleh krisis kewangan berkenaan.

Nor Mohamed berkata demikian menjawab soalan pengurus dana mengenai sama ada nilai tambatan ringgit diubah atau jika ia akan dibiarkan menggunakan sistem kadar terapung seperti sebelum tambatan itu.

Seorang daripada mereka turut merujuk artikel bekas tokoh perbankan, Datuk Malik Marican yang menyokong tambatan ringgit dimansuhkan seperti disiarkan dalam akhbar New Straits Times, semalam.

Nor Mohamed berkata, isu menilai semula tambatan itu ialah satu persoalan yang relevan untuk diteliti kerana pelbagai pendapat dan kebimbangan dikemukakan mengenainya.

"Soalnya, adakah kita akan terus menggunakan rejim kadar tetap dan jika ya, adakah RM3.80 kadar yang tepat?" katanya.

Beliau menjelaskan, dasar menetapkan nilai ringgit kepada dolar Amerika ialah instrumen terbaik untuk negara ketika ia diperkenalkan dulu.

"Kita tidak berpendirian RM3.80 itu tidak boleh diubah. Jika tiba masanya dan ia untuk kebaikan kepada negara, kita akan mengubahnya," katanya tetapi pantas bertanya semula: "adakah masanya sesuai sekarang?".

"Kita berpendapat sekarang bukan masanya kerana (nilai) mata wang serantau yang lain tidak banyak berubah," katanya.

Beliau mengulangi pendirian kerajaan sebelum ini jika nilai mata wang serantau naik atau turun 20 peratus, kerajaan akan memikirkan semula pendiriannya berhubung tambatan pada RM3.80 itu.

"Jika nilai euro naik melebihi 1.40 dan yen turun ke bawah 100 (berbanding dolar Amerika), kita tidak mahu terjejas. Kita akan menilainya," katanya.

Mengenai Valuecap, Nor Mohamed berkata dana ditubuhkan kerajaan tahun lalu untuk melabur dalam pasaran saham yang lemah dengan dana RM10 bilion itu, berjaya meraih keuntungan RM700 juta dengan daripada pelaburan berjumlah RM4 bilion.

Daripada keseluruhan keuntungan itu, katanya, RM250 juta berjaya direalisasikan manakala baki keuntungan itu ialah daripada peningkatan modal.

"Angka itu mungkin lebih tinggi tetapi kerana akaunnya belum diaudit, pihaknya hanya memberi anggaran konservatif. Apabila kita mempunyai pengurus profesional, mereka akan berjaya melakukannya dengan baik,"

katanya sambil menjelaskan baki RM6 bilion lagi belum lagi dilaburkan.

Beliau berkata, kerajaan kini beralih ke fasa kedua bagi mendapatkan pengurus profesional yang akan dibayar mengikut kadar pasaran kompetitif untuk mengurus syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Katanya, fasa pertama proses itu yang membabitkan langkah menempatkan pakar pemulih syarikat dalam GLC bermasalah, didapati amat berjaya.

Beliau menyebut beberapa nama seperti Ketua Eksekutif Tabung Haji, Datuk Mohd Bakke Salleh; Ketua Eksekutif Media Prima, Abdul Rahman Ahmad; Ketua Eksekutif MRCB, Shahril Ridza Ridzuan; Ketua Eksekutif yang juga Pengarah Urusan UEM, Datuk Abdul Wahid Omar dan Pengarah Urusan KUB Malaysia, Che Khalib Mohamad Noh sebagai contoh profesional muda yang berjaya memulihkan syarikat serta agensi di bawah pengurusan mereka.

"Daripada pengurus yang memulihkan syarikat, kita sekarang melihat kepada penstrukturan semula. Kita mahu mewujudkan satu budaya yang cemerlang dalam GLC," katanya sambil menjelaskan langkah itu juga membabitkan usaha mendapatkan lembaga pengarah yang profesional.

"Kontrak profesional berkenaan akan dibuat berdasarkan kepada pencapaian mereka dan ganjaran yang diberikan pula sejajar dengan imbuan pasaran. Pada masa lalu, berlaku pengaliran keluar pakar dari GLC disebabkan pemberian pakej ganjaran yang rendah.

"Dengan membayar mengikut harga pasaran, kita mahu GLC menjadi tumpuan kepada tenaga kerja profesional," katanya.

Mengenai kemunculan China sebagai gergasi ekonomi, Menteri Kewangan Kedua berkata, Malaysia melihat negara itu sebagai peluang untuk berkongsi kemakmuran dan bukannya sebagai ancaman.

Berhubung sumber luar, Nor Mohamed berkata, Malaysia mahu agihan yang besar dalam bidang sumber luar yang kini menjadi industri bernilai AS\$500 bilion. Dianggarkan Malaysia akan mendapat kira-kira AS\$3 bilion daripada jumlah berkenaan, tetapi ia mahu jumlah yang lebih besar.